

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ZAHARI BIN SARIP**

**TARIKH : 17 DISEMBER 2018 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini pencarian kehilangan kapal terbang MH370 termasuk tuntutan-tuntutan yang ditanggung Kerajaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Pencarian MH370 yang diketuai oleh Pasukan Pencarian bermula pada April 2014 dan berakhir pada 17 Januari 2017. Ahli-ahli Pasukan Pencarian adalah terdiri daripada Australia, Malaysia, China, MH370 *Safety Investigation Team*, *National Transport Safety Board* (NTSB), Boeing, Inmarsat dan Thales.
2. Pencarian MH370 yang dilakukan oleh Ocean Infinity pada dasar “*no cure, no fees*” bermula pada 22 Januari 2018 dan berakhir pada Mei 2018. Pencarian ini juga akhirnya tidak menghasilkan sebarang penemuan.
3. Jumlah kos pencarian yang dijalankan oleh Pasukan Pencarian selama kira-kira tiga tahun adalah dianggarkan berjumlah RM800 juta. Pencarian yang dilakukan oleh Ocean Infinity tidak membebankan apa-apa kepada kerajaan.

Sekian, terima kasih.